



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

Jumaat, 7 Februari 2020

MESYUARAT

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HUBUNGAN DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

ISU: Hubungan Dua Hala antara Malaysia dan Palestin

**PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PERHUBUNGAN DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
JUMAAT, 7 FEBRUARI 2020**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Chen - *Pengerusi*
YB. Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]
YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir (Dengan Maaf)

YB. Tuan P. Prabakaran [Batu]
YB. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]
YB. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]
YB. Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]

URUS SETIA

Encik Wan Ahmad Syazwan bin Wan Ismail [Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Kamar Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Norzuhlilmi bin Nozir Ahmad [Penolong Setiausaha Kanan Seksyen Perundangan dan Prosiding (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Puan Lee Jing Jing [Jurubahasa Serentak Kanan I, Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Siritharan a/l Kuttappan [Pegawai Penyelidik Seksyen Ekonomi (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]
Encik Augustine Leonard Anak Jen [Pegawai Penyelidik Seksyen Antarabangsa dan Keselamatan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]
Puan Khairil Liza binti Mohd Salleh [Pegawai Penyelidik Seksyen Ekonomi (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Kementerian Luar Negeri

Encik Fairuz Adli bin Mohd Rozali [Setiausaha Bahagian (Bahagian Asia Barat)]
Puan Aznifah Isnariah binti Abdul Ghani [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Politik Pelbagai Hala)]
Encik Muhamad Akmal bin Abdul Wahab [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Asia Barat)]
YBrs. Amb. Shahril Effendi bin Abd Ghany [Ketua Pengarah (Jabatan Perancangan Dasar dan Penyelarasan)]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Kementerian Luar Negeri** (*samb/-*)

Encik Shazryll bin Zahiran [Timbalan Ketua Pengarah (Bahagian Penyelarasan dan Penilaian Prestasi)]

Encik Kathiravan a/l Subramaniam [Pengarah (Unit Urus Setia Penyelarasan Parlimen) (Bahagian Penyelarasan dan Penilaian Prestasi)]

Puan Nurajirah binti Abd Majid [Penolong Setiausaha (Bahagian Asia Barat)]

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob [Timbalan Ketua Setiausaha (Industri)]

Puan Nor Hasnah binti Badroddin [Pengarah Kanan (Bahagian Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Dua Hala)]

Cik Lim Mei Ying [Pengarah (Bahagian Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Dua Hala)]

Jabatan Peguam Negara

Puan Maizura binti Mohd Tajuddin [Ketua Unit 5 (Unit Perdagangan Pelbagai Hala, Timbang Tara Antarabangsa dan Pertikaian)]

Kementerian Kewangan

Puan Siti Norazlina binti Seni [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Cukai Tidak Langsung)]

Encik Saravana Kumar a/l Marimuthu [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Cukai Antarabangsa II) 1]

Ahli Parlimen Palestine (Al-Quds dan Palestinian Cultural Organization Malaysia)

Hon. Sheikh Hamid al-Ahmar [Ahli Parlimen Yemen merangkap President of the League of Parliamentarians for Al-Quds]

Mr. Muslim Imran [Chairman of the Palestinian Cultural Organization Malaysia]

Mr. Abdallah Waleed [Deputy Chairman of Palestinian Cultural Organization Malaysia]

Mr. Syed Mohamad [General Coordinator of Friends of Palestine (Kuala Lumpur)]

Mr. Abdallah Beltagi [Public Relations Officers (Parliamentarians for Al-Quds)]

Mr. Muad Zaki [President of Friends of Malaysia-Palestine]

Dr. Ahmed A. A. Alnajjar Afaf [Jurubahasa]

United Nations Development Programme (UNDP)

David Russel Elders [UNDP *Consultant*]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERHUBUNGAN DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA

Jumaat, 7 Februari 2020

Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 2 Blok Utama,Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.40 pagi

[Yang Berhormat Tuan Wong Chen *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi: Selamat pagi dan salam sejahtera. Saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Perhubungan dan Perdagangan Antarabangsa ke mesyuarat jawatankuasa yang julung kali kita adakan. Yang Berhormat Puan June Leow Hsiad Hui, Ahli Parlimen Hulu Selangor dan Yang Berhormat Tuan Oscar Ling Chai Yew, Ahli Parlimen SibU. Saya turut ingin mengalu-alukan Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah yang akan bersama kita sebentar lagi iaitu Setiausaha Dewan Rakyat merangkap setiausaha kepada jawatankuasa pilihan khas ini. Wakil-wakil tetap, *ex-officio* dari agensi-agensi kerajaan iaitu dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Kewangan serta urus setia daripada Parlimen Malaysia, tuan-tuan dan puan-puan yang hadir bersama-sama pada hari ini.

Untuk makluman selain daripada saya dan dua orang Yang Berhormat yang hadir bersama pada hari ini, Jawatankuasa Pilihan Khas Perhubungan dan Perdagangan Antarabangsa ini turut dianggotai oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, Ahli Parlimen Bagan Serai; Yang Berhormat Tuan P. Prabakaran, Ahli Parlimen Batu; Yang Berhormat Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, Ahli Parlimen Pasir Salak; dan Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim, Ahli Parlimen Kuala Terengganu.

Perancangan aktiviti jawatankuasa pilihan khas. Seperti yang saya nyatakan sebentar tadi hari ini merupakan hari bersejarah kerana buat julung kalinya Parlimen Malaysia mempunyai jawatankuasa pilihan khas yang khusus bagi perhubungan dan perdagangan antarabangsa. Sejak Ahli-ahli Parlimen Jawatankuasa dinamakan melalui pembentangan penyata Jawatankuasa Pemilih DR. 15 Tahun 2019 pada 5 Disember 2019 yang lalu, ini merupakan mesyuarat jawatankuasa yang pertama kali diadakan untuk JKPK Perhubungan dan Perdagangan Antarabangsa ini. Sungguhpun, ini tidak bermakna jawatankuasa ini baru

memulakan aktiviti pada hari ini. Saya bersama-sama ahli-ahli jawatankuasa yang lain telah pun melakukan dua kunjungan hormat iaitu ke atas Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Luar Negeri pada 14 Januari 2020 di Wisma Putra, Putrajaya dan Yang Berhormat Datuk Ignatius Dorell Leiking, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada 3 Februari 2020 yang lalu di Menara MITI, Kuala Lumpur.

Terma rujukan jawatankuasa pilihan khas ini antara lain memberi kuasa untuk jawatankuasa meneliti rang undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri termasuk apa-apa cadangan usul, petisyen, laporan dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan hubungan dan perdagangan dengan negara-negara luar serta organisasi antarabangsa yang terlibat. Dalam hal ini, saya ingin jawatankuasa ini untuk turut meneliti pentadbiran, kewangan dan dasar-dasar berkaitan hubungan dan perdagangan antarabangsa. Ini bermakna dua kementerian utama yang akan bekerjasama rapat dengan jawatankuasa ini adalah Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Selain dua kementerian ini, saya juga berpandangan bahawa isu yang akan menjadi penelitian jawatankuasa ini boleh merentas kementerian lain atau agensi-agensi seperti isu mengenai minyak sawit, perubahan iklim dan hak asasi manusia. Jawatankuasa ini harus memainkan peranannya tanpa ada rasa *fear or favor* dan bersikap profesional dengan mengetepikan perbezaan ideologi dan kepentingan parti politik pada setiap isu yang diteliti dalam usaha menegakkan Perlembagaan dan memberikan apa yang terbaik untuk negara dan rakyat.

Saya juga berharap agar semua ahli jawatankuasa memberi komitmen dan kerjasama sepenuhnya dengan menghadiri mesyuarat ataupun *hearings* yang diadakan. Kita akan bersikap telus dalam melaporkan rekod kehadiran ahli-ahli. Saya juga berhasrat supaya jawatankuasa melalui penilaian dalaman atau *internal assessment* terhadap prestasi ahli-ahli untuk tempoh setiap enam bulan. Selain itu, saya juga menyasarkan agar *hearings* dan *proceedings* yang dijalankan oleh JKPK ini adalah pendek dan padat, dan tidak terlalu luas skopnya agar jawatankuasa dapat memberikan syor dengan pantas kepada kementerian dan mendapatkan maklum balas daripada mereka dalam masa sekitar tiga bulan.

Saya juga ingin mencadangkan setiap laporan dibentangkan dan dibahaskan di Dewan Rakyat. Saya berhasrat untuk mengadakan *hearings* dengan kekerapan dua kali sebulan ataupun 24 *hearings a year*. Oleh itu kerjasama semua pihak diperlukan untuk menjayakannya. Kita mempunyai tanggungjawab untuk membina budaya *hearings* atau oleh jawatankuasa agar kita boleh menjalankan proses semak dan imbang atau *check and balances* dalam sistem parlimen kita. Kita akan melihat dan meneliti pelbagai isu antaranya termasuklah *Belt and Road Initiative*,

Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP), AP kenderaan, *Treaty PBB*, perjanjian-perjanjian dagangan bebas (FTAs), isu Rohingya dan juga bajet fiskal Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Baik, bagi agenda mesyuarat pada hari ini kita ke agenda seterusnya di mana pada hari ini jawatankuasa akan meneliti isu-isu yang melibatkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Palestin. Bagi tujuan ini, pada hari ini kita telah menjemput wakil daripada Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk memberi taklimat kepada jawatankuasa mengenai hubungan dua hala kedua-dua negara dan hubungan perdagangan antara Malaysia-Palestin. Dengan adanya juga wakil daripada Kementerian Kewangan, kita mungkin boleh mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan dengan seperti cukai dan sebagainya. Sebaik sahaja selesai sesi taklimat oleh dua kementerian yang saya sebutkan tadi, jawatankuasa akan menjemput masuk *Honorable* Sheikh Hamid al-Ahmar, Ahli Parlimen Yemen merangkap *President of the League of Parliamentarians for Al-Quds* serta delegasi dan *Palestinian Cultural Organization Malaysia* yang diketuai oleh Pengerusinya Mr. Muslim Imran untuk diadakan sesi konsultasi bersama mereka.

Baik, kita mulakan dengan taklimat daripada Kementerian Luar Negeri. Terima kasih.

Encik Fairuz Adli bin Mohd Rozali [Setiausaha Bahagian (Bahagian Asia Barat), Kementerian Luar Negeri]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Selamat pagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berbahagia Datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Bagi pihak Kementerian Luar Negeri, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian serta wakil-wakil dari kementerian yang mana turut hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Perhubungan dan Perdagangan Antarabangsa, Bilangan Satu Tahun 2020.

Taklimat saya pada pagi ini terbahagi kepada topik-topik berikut. Latar belakang. Saya akan terus *skip* kepada terus kepada pendirian Malaysia mengenai isu Palestin dan seterusnya hubungan dua hala Malaysia dan Palestin. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, izinkan saya memberi taklimat ini dalam dwibahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Seterusnya, kita ke latar belakang Palestin. Berikut adalah *map* Palestin sebelum 1967. Peta tersebut adalah seiring dengan pendirian Malaysia dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam usaha untuk mencapai penyelesaian dua negara ataupun *the two states solution* dan Baitulmuqaddis Timur atau *East Jerusalem is the capital of Palestine*. Juga, dilihat dalam ini adalah peta individu *the West Bank* iaitu Semenanjung Gaza dan juga Tebing Barat— dan juga Gaza.

Next, please. Peta ini pula adalah peta terkini Palestin di mana *the West Bank* telah dikuasai oleh Israel sejak dari *the 60s war* atau Perang Arab-Israel 1967. Semenjak di *Oslo Accords* pada tahun 1995, dia telah membahagikan *the West Bank* ikut tiga kategori tersebut. Kawasan A di pentadbiran *Palestinian Authority*, Kawasan B adalah *mixed* ataupun *shared authority* Palestin dengan Israel dan Kawasan C iaitu kawasan kelabu adalah di bawah pentadbiran Israel. *[Sambil merujuk kepada slaid]*

■0950

Tebing Barat iaitu *West Bank* terdapat dalam kira-kira 2.5 juta penduduk Palestin mendiami Tebing Barat bersama dengan 275,000 penduduk Israel yang menduduki penempatan haram di *West Bank*. Penempatan Israel dan Palestin sering berada jauh antara satu sama lain dan hubungan antara kedua-dua kumpulan tersebut ialah kurang dan terhad kepada hubungan ekonomi sahaja. Sebanyak 30 peratus daripada penduduk Palestin adalah merupakan penduduk pelarian dari penempatan asal mereka yang kini menjadi tanah atau *property* Israel.

Di Semenanjung Gaza pula terhadap pemastautin dalam dua juta penduduk. Separuh daripada dua juta penduduk tersebut terdiri daripada kanak-kanak. Luas Gaza adalah lebih kurang 365 kilometer persegi dan ini membuatkan Gaza menjadi sebagai salah sebuah tempat yang mempunyai populasi termampat di dunia.

Berikut adalah senarai Kabinet Palestin yang mewakili Palestin. Secara amnya ini adalah Kerajaan Palestin yang sah yang diketuai oleh pihak Fatah ataupun *Palestine National Authority* dan mempunyai hubungan diplomatik dengan negara-negara lain melalui kedutaan, *Consulate General* atau wakil tetap termasuk Malaysia. Kerajaan Palestin adalah diketuai oleh Presiden Mahmoud Abbas. Pada bulan Mac 2019, Presiden Mahmoud Abbas telah melantik Mohammad Shtayyeh sebagai Perdana Menteri yang menggantikan Rami Hamdallah. *Prime Minister* Shtayyeh juga turut memangku jawatan Menteri Dalam Negeri dan Menteri Hal Ehwal Agama. Bagi urusan luar negeri TYT Riad Al Maliki telah dilantik sebagai Menteri Luar Negeri sejak tahun 2007. Secara amnya, Semenanjung Gaza pula ditadbir oleh pihak Hamas. Hamas diketuai oleh Encik Ismail Haniyeh dan mempunyai Menteri-menteri yang berasingan dengan Kerajaan Palestin yang diketuai oleh pihak Fatah.

Situasi- dalam melihat situasi di Palestin, isunya bukan hanya melibatkan situasi di Gaza tetapi terbahagi kepada Tebing Barat dan Gaza. Disebabkan konflik melibatkan serangan udara dan tembakan peluru berpandu di antara Israel dan Gaza, ramai yang lebih memberi fokus terhadap situasi di Gaza berbanding dengan situasi di *West Bank*. Meskipun begitu rakyat Palestin di *West Bank* juga terhimpit oleh sekatan-sekatan yang dilakukan oleh Israel. Masalah di Tebing Barat juga termasuk masalah-masalah berkaitan Masjid Al-Aqsa. Berdasarkan laporan

daripada *Special Community to Investigate Israeli Practices Affecting the Human Rights of the Palestinian People & Other Arabs of the Occupied Territories* atau in short SCIIIP bertarikh 20 September 2019, telah dilaporkan bahawa antara masalah yang dihadapi oleh rakyat Palestin di Tebing Barat termasuklah dibunuh, dcederakan oleh pihak Israel, perluasan penempatan haram Israel di Tebing Barat, pemusnahan dan perampasan harta benda milik rakyat Palestin dan penahanan rakyat Palestin di penjara Israel.

Sementara itu situasi di Gaza pula, akses penghuni Gaza ke dunia luar dan ke wilayah Palestin yang lain adalah sangat terhad disebabkan oleh sekatan pergerakan yang dikenakan oleh Israel semenjak awal 1990-an. Sekatan yang dikekalkan selepas Israel menarik balik penempatannya dari Gaza pada tahun 2005 dan selepas itu Israel telah mengisytiharkan Gaza pada tahun 2007 sebagai wilayah musuh dan telah mengenakan sekatan udara, darat dan laut. Sejak tahun 2015, sekatan Israel telah menjejaskan keluaran dalam negara kasar or *gross domestic product* Gaza ke tahap yang amat buruk yang memerlukan bantuan kemanusiaan. Gaza mempunyai kadar pengangguran tertinggi di dunia iaitu 54 peratus secara keseluruhan dan 68 peratus daripada penduduk Gaza tidak mempunyai makanan yang mencukupi.

Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah or *International Community for the Red Cross* (ICRC) telah mendapati bahawa sekatan Israel ini merupakan hukuman secara berkumpulan ataupun *collective punishment*. Pada tahun 2017, PBB memberi amaran bahawa Gaza akan menjadi tempat yang tidak sesuai didiami disebabkan krisis air, elektrik, kesihatan, pendidikan dan makanan yang semakin serius akibat daripada sekatan Israel. Gaza dan Israel juga mengalami konfrontasi yang ganas yang tidak seimbang, *disproportionate*. For example, hampir 1,400 orang Palestin dan 13 orang Israel terbunuh semasa tiga minggu perbalahan from 2008 to 2009.

Semasa operasi *Israel Cast Lead* pada tahun 2012, 174 orang Palestin telah terbunuh dan enam orang Israel telah terbunuh dalam masa satu minggu. Dalam operasi *Protective Edge* pada tahun 2014 sebanyak 2,251 orang rakyat Palestin dan 71 orang Israel telah terbunuh dalam tempoh masa 51 hari. Masalah di Gaza juga adalah dari segi protes *The Great March of Return*. Sehingga 19 Januari 2020, pihak *United Nations Office for the Coordination of Humanitarian Affairs*, telah merekodkan bahawa terdapat 213 rakyat Palestin yang meninggal dunia atau terbunuh susulan daripada Demonstrasi *Great March of Return* yang bermula pada 14 Mei 2018. Angka ini akan terus meningkat kerana demonstrasi ini dilaksanakan secara berterusan pada setiap hari Jumaat sehingga hari ini.

Tuan Pengerusi: Encik Fairuz, saya hendak tanya soalan tentang pentadbiran di Gaza ini, *the official government is in the West Bank*, betul tidak?

Encik Fairuz Adli bin Mohd Rozali: Yes.

Tuan Pengerusi: Jadi apakah *diplomatic relation* kita dengan pentadbiran di Gaza?

Encik Fairuz Adli bin Mohd Rozali: Tuan Pengerusi, Kerajaan Malaysia fokus banyak kepada rakyat Palestin. Jadi secara diplomatiknya hubungan sememangnya dengan Kerajaan Palestin di *West Bank*. Namun begitu kita tetap mempunyai *engagement* dengan kerajaan di Gaza. Dari sebab yang pentingnya adalah dari segi *humanitarian assistance* yang diperlukan di Gaza.

Tuan Pengerusi: Jadi maknanya kita pakai NGO untuk menghulurkan bantuan kita kah macam mana?

Encik Fairuz Adli bin Mohd Rozali: Tuan Pengerusi kita menggunakan NGO dan juga kita menerusi organisasi-organisasi antarabangsa juga. Kita salurkan sumbangan ke institusi antarabangsa *and dia orang disburse...*

Saya akan teruskan dengan pendirian Malaysia mengenai isu Palestin. Secara umum diketahui Malaysia lantang mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mengutuk dan mengecam keras tindakan serta perlakuan tidak berperikemanusiaan rejim Israel yang menceroboh Wilayah Palestin serta mengenakan pelbagai bentuk penindasan, kekejaman dan sekatan ke atas rakyat Palestin. Malaysia akan terus menyokong usaha-usaha untuk mencapai pendamaian dan konflik Palestin-Israel yang selari dengan undang-undang antarabangsa dan resolusi-resolusi PBB melalui rundingan.

Malaysia juga teguh dengan pendirian bahawa penyelesaian dua negara *or two-State solution and East Jerusalem as the capital of Palestine* adalah jalan terbaik untuk pembentukan Palestin sebagai sebuah negara dan seterusnya menyelesaikan konflik Palestin-Israel. Malaysia menolak sebarang tindakan yang akan menjejaskan usaha untuk mencapai keamanan daripada konflik Palestin-Israel. Malaysia menyeru *committee* antarabangsa untuk membantu menyelesaikan konflik ini. Malaysia akan terus teguh di samping Palestin dan rakyatnya dalam menentang kezaliman demi memperjuangkan hak-hak rakyat Palestin.

Malaysia juga lantang mengeluarkan kenyataan yang mengutuk. Pada tahun 2019 hingga 2020 kenyataan media yang dikeluarkan adalah kenyataan media Kementerian Luar Negeri susulan daripada pengumuman jurucakap Kementerian Luar Negeri Israel yang melabelkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai *anti-Semitic* pada 17 Januari 2019. Kenyataan media Kementerian Luar Negeri mengenai perakuan Amerika Syarikat berhubung kedaulatan Israel di Bukit Golan, Syria, 27 Mac 2019.

Kenyataan media Kementerian Luar Negeri mengenai situasi di Gaza pada 27 Mac 2019. Kenyataan media Kementerian Luar Negeri mengutuk sekeras-kerasnya rancangan Benjamin

Netanyahu untuk mengilhakkan sebahagian Tebing Bara pada 11 September 2019. Kenyataan media Kementerian Luar Negeri untuk mengutuk sekeras-kerasnya serangan udara Israel ke atas Gaza pada 16 November 2019 dan kenyataan media Pejabat Perdana Menteri mengenai pendirian Malaysia mengenai *Deal of Century* pada 31 Januari 2020. Di persada antarabangsa pula, isu Palestin adalah juga salah satu isu yang penting bagi Malaysia untuk memperjuangkan di pelbagai platform antarabangsa terutama di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam Antarabangsa (OIC) dan Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali (NAM).

Tuan Pengerusi: Encik Fairuz saya hendak bertanya soalan sedikit tentang isu *anti-Semitic* ini. Bukankah prinsipal kerajaan kita ialah menolak- kita anti Zionis betul tidak, bukannya *anti-Semitic*?

Encik Fairuz Adli bin Mohd Rozali: Betul.

Tuan Pengerusi: *That is the difference between the two.*

Encik Fairuz Adli bin Mohd Rozali: Yes.

Tuan Pengerusi: *So allegation or anti-Semitism alleged on our Prime Minister that has to be defended by the government. So, what is the government position on this?*

Encik Fairuz Adli bin Mohd Rozali: Yes, we do. Kami telah menyatakan bahawa Malaysia dan Perdana Menteri juga, dia bukannya anti macam Tuan Pengerusi telah bagi tahu, bukannya *anti-Jewish* atau *anti-Semitic* tetapi kita ke arah anti Zionis. Kita tidak menghalang Jews daripada negara-negara lain datang ke Malaysia tetapi kita hanya menghalang daripada Israel kerana Israel mengenakan rejim Zionis.

Tuan Pengerusi: Saya hendak tanya satu lagi ya, dan dia kemungkinan *a little bit sensitive*. Saya difahami di Israel, apabila mereka menghadapi *election* mereka, *not all of them support the Zionist movement. Some of them a bit proportion is still looking for a settlement that is fair for all sides.*

■1000

What are we doing about trying to engage some dialogue on this run? Do we attempt or do we not attempt? Because there are segments in Israel that want to see a peace resolution.

Encik Fairuz Adli bin Mohd Razali: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Izinkan saya untuk teruskan Debat Terbuka Majlis Keselamatan PBB mengenai situasi Timur Tengah mengambil tempat setiap suku tahun. Terkini, penyampaian kenyataan semasa sesi Debat Terbuka Majlis Keselamatan PBB pada 28 Oktober 2019 dan 21 Januari 2020 antara lain Malaysia telah menggesa agar masyarakat antarabangsa tidak berdiam diri dan terus menuntut supaya Israel menghentikan tindakan kejam dan penindasan ke atas rakyat Palestin yang jelas

melanggar resolusi-resolusi PBB dan undang-undang antarabangsa termasuk undang-undang kemanusiaan.

Malaysia juga menekankan bahawa konflik Israel-Palestin bukan sahaja berkisar dengan pertikaian tanah penempatan, malah ia juga melibatkan hak bagi rakyat Palestin untuk menjalin kehidupan yang bermaruah, adil, makmur dan bebas daripada ketakutan. Rakyat Palestin terus hidup di dalam sekatan dan penindasan dan penekanan bahawa keganasan di Gaza dan Tebing Barat adalah telah melemahkan harapan masyarakat antarabangsa untuk mencari penyelesaian terhadap isu Palestin.

Semasa sesi debat umum Perhimpunan Agung PBB pada 24 hingga 30 September 2019 pula di New York, YAB Perdana Menteri menerusi kenyataan negara juga telah menekankan bahawa Malaysia tidak boleh menerima tindakan Israel yang merampas bumi Palestin secara zalim dan terus mendirikan penempatan haram. Semasa menjadi Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015 sehingga 2019, Malaysia sentiasa lantang mengetengahkan pendirian menyokong aspirasi rakyat Palestin untuk mewujudkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat.

Walaupun tempoh sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB telah berakhir pada 31 Disember 2016, Malaysia akan terus menggesa melalui pelbagai landasan antarabangsa supaya Majlis Keselamatan PBB memainkan peranan yang lebih aktif dan melaksanakan tanggungjawabnya sebagaimana termaktub di dalam piagam PBB bagi mencari penyelesaian konflik yang berkekalan di mana sesebuah negara Palestin wujud bersama-sama Israel dalam keadaan aman dan damai. Malaysia juga akan terus menggesa Majlis Keselamatan PBB untuk menegakkan undang-undang antarabangsa bagi memastikan akauntabiliti ke atas jenayah yang dilakukan oleh Israel.

Malaysia juga sentiasa aktif mengambil bahagian dalam Sidang Kemuncak OIC serta mesyuarat-mesyuarat yang diadakan oleh OIC. Malaysia merupakan Ahli Jawatankuasa Enam OIC Mengenai Palestin (*OIC Committee of Six on Palestine*) dan juga Kumpulan Perhubungan dalam Mempertahankan Perjuangan Palestin dan Al-Quds Al-Sharif. Melalui dua platform ini, Malaysia lantang dalam mengetengahkan permasalahan yang dihadapi oleh Palestin dan rakyatnya termasuk memperjuangkan status Baitul Maqdis sebagai ibu negara Palestin dan memelihara kesucian Masjid Al-Aqsa.

Paling terbaru, OIC telah mengadakan Mesyuarat Tergempar (*Open-Ended Executive Committee*), Pertubuhan Kerjasama OIC peringkat Menteri-menteri Luar Negeri di Jeddah, Arab Saudi pada 3 Februari 2020 bagi membincangkan pendirian OIC terhadap pelan kedamaian Timur Tengah *or the Middle East Peace Plan* yang diumumkan oleh Presiden Amerika Syarikat,

Donald Trump pada 28 Januari 2020. Di akhir mesyuarat tersebut, kesemua negara anggota OIC telah bersetuju untuk menerima pakai satu resolusi OIC yang antara lain mengutuk pelan kedamaian tersebut yang dikemukakan oleh Presiden Amerika Syarikat serta mengulangi pendirian teguh OIC terhadap perjuangan rakyat Palestin.

Secara ringkasnya, kesemua negara OIC yang hadir telah mengutuk dan menolak cadangan pelan kedamaian yang dikemukakan oleh Amerika Syarikat dan menegaskan bahawa penyelesaian dua negara atau *two-state solution* adalah satu-satunya jalan penyelesaian terhadap konflik Palestin-Israel. Semasa mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah menyampaikan sokongan penuh Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin dalam mendirikan sebuah negara yang merdeka.

Berhubung pelan kedamaian yang dibawa oleh Amerika Syarikat, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah menegaskan bahawa perjanjian tersebut merupakan serangan kepada kedamaian apabila perjanjian tersebut tidak melibatkan Palestin dalam perbincangan serta kandungan perjanjian tersebut yang menguntungkan Israel dan menghukum Palestin.

Tuan Pengerusi, Malaysia juga akan terus memainkan peranan aktif dalam NAM dalam menyokong usaha-usaha menangani krisis politik dan ekonomi Palestin serta membela hak-hak nasib rakyat Palestin bagi mencapai penyelesaian *two-state solution* yang adil dan secara aman.

Semasa Sidang Kemuncak NAM yang berlangsung pada 25 hingga 26 Oktober 2019 di Baku, Azerbaijan, YAB Perdana Menteri juga telah mengumumkan Malaysia akan membuka Kedutaan Malaysia di Palestin yang akan beroperasi di Amman. Saya akan *explain* sedikit kemudian.

Isu Jerusalem. Pada 6 Disember 2017, Amerika Syarikat telah mengumumkan bahawa Amerika Syarikat akan mengiktiraf Jerusalem sebagai ibu kota Israel. Ini diikuti dengan pemindahan Kedutaan Besar Amerika Syarikat ke Baitulmaqdis pada 14 Mei 2018. Malaysia mengutuk pengiktirafan Baitulmaqdis sebagai ibu kota Israel. Malaysia menolak keputusan tersebut memandangkan ianya bertentangan dengan Resolusi-resolusi PBB. Keputusan tersebut akan menjejaskan kestabilan dan keselamatan di Rantau Asia Barat. Malaysia berpandangan bahawa keputusan tersebut akan menjejaskan penyelesaian *two-state solution* yang dicadangkan oleh komiti antarabangsa. Malaysia juga menolak sebarang tindakan yang akan menjejaskan usaha untuk mencapai keamanan daripada konflik Palestin.

Next is the Deal of the Century. Tuan Pengerusi, Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump telah mengumumkan cadangan Pelan Damai Asia Barat yang memberikan fokus kepada Palestin dan Israel yang dikenali sebagai *Deal of the Century*. Pelan tersebut mempunyai dua bahagian, melibatkan aspek ekonomi dan aspek politik. Aspek ekonomi pelan tersebut telah

diumumkan pada 25 Jun 2019 manakala aspek politik baru sahaja diumumkan pada 27 Januari 2020 yang lalu. Secara ringkasnya, pelan tersebut bertujuan untuk memperkasakan ekonomi rakyat Palestin, meningkatkan tadbir urus negara Palestin dan memberi kebebasan kepada negara tersebut untuk membentuk sebuah negara yang terhad dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dipersetujui oleh Israel.

Kebanyakan negara di rantau Asia Barat menyokong usaha Presiden Trump ke atas mencapai jalan penyelesaian dua negara atau *two-state solution*. Walau bagaimanapun, pelan tersebut dirancang tanpa rundingan Palestin. Amerika Syarikat hanya membuat perbincangan dan mencapai persetujuan dengan Israel semata-mata. Pelan tersebut ditolak oleh Palestin memandangkan pelan tersebut dilihat sebagai berat sebelah. Palestin telah memohon agar OIC mengadakan mesyuarat tergempar bagi membincangkan perkara tersebut. Mesyuarat tersebut telah berlangsung pada 3 Februari 2020 dan dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

Sebagai sebuah negara anggota OIC yang konsisten menyokong perjuangan rakyat Palestin untuk mewujudkan negara sendiri, Malaysia telah menyatakan pendirian berhubung Pelan Damai Asia Barat berkenaan. Kementerian Luar Negeri telah merangka draf kenyataan berhubung cadangan pelan damai untuk Israel dan Palestin yang telah diumumkan oleh Presiden Donald Trump. Pada 31 Januari, YAB Perdana Menteri telah mengeluarkan kenyataan media tersebut dan menyatakan pendirian Malaysia mengenai pelan damai yang berkenaan. Kenyataan media berkenaan adalah seperti berikut:

“Malaysia telah mengkaji dengan teliti cadangan pelan damai untuk Israel dan Palestin (Deal of the Century) yang telah diumumkan oleh Presiden Amerika Syarikat pada 28 Januari 2020. Malaysia mendapati bahawa cadangan tersebut tidak boleh diterima sama sekali dan percaya bahawa Palestin mempunyai hak untuk menolaknya.

Palestin sebagai pihak yang teraniaya hasil daripada pendudukan haram Israel sejak sekian lama tidak pernah dilibatkan atau dirujuk dalam rangka cadangan tersebut.

Cadangan tersebut disifatkan sebagai berat sebelah dan memihak kepada Israel semata-mata sebagai pihak yang bertanggungjawab ke atas rampasan wilayah dan penderitaan rakyat Palestin. Adalah jelas bahawa cadangan tersebut tidak berniat untuk memberi keadilan kepada rakyat Palestin dan ia dilihat sebagai satu usaha oleh Israel supaya rakyat Palestin terus ditindas tanpa sebarang jalan penyelesaian yang menyeluruh dan kancah konflik yang telah berterusan sekian lama.

Malaysia berpegang kepada pendirian bahawa penubuhan negara Israel yang merdeka melalui penyelesaian dua negara berdasarkan sempadan sebelum tahun 1967 dengan Baitulmaqdis sebagai ibu negara Palestin adalah satu-satunya penyelesaian kepada konflik Israel-Palestin.

Malaysia akan terus menyokong usaha-usaha kukuh bagi mencari penyelesaian yang berkekalan kepada konflik Israel-Palestin berdasarkan undang-undang antarabangsa dan resolusi-resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang berkaitan melalui rundingan yang melibatkan pihak-pihak yang berkaitan”.

Tuan Pengerusi, saya akan teruskan dengan Hubungan Dua Hala Malaysia-Palestin. Malaysia dan Palestin mempunyai hubungan yang baik dan istimewa. Palestin mula menubuhkan Pejabat Perwakilan di Malaysia pada tahun 1969 dan kemudiannya ia dinaiktarafkan sebagai Kedutaan Besar pada tahun 1983. Manakala pada masa ini Kedutaan Besar di Malaysia di Kaherah, Mesir ditauliahkan serentak ke Palestin.

■1010

Lawatan tertinggi terakhir dari Malaysia dilaksanakan oleh mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 22 Januari 2013 ke Gaza. Manakala lawatan terkini dari Palestin dilaksanakan oleh TYT Dr. Riad Al Malki, Menteri Luar Negeri Palestin pada 14 Januari 2017. TYT Dr. Mohammad Shtayyeh, Perdana Menteri Palestin telah menyatakan hasrat untuk melawat Malaysia pada tahun 2019. Namun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak dapat memenuhi hasrat tersebut dan setakat ini kita tengah berusaha untuk mengadakan lawatan beliau pada tahun ini.

Seterusnya, saya akan terus kepada sumbangan Malaysia kepada Palestin. Kerajaan sentiasa memberi sokongan padu kepada Palestin dan rakyatnya baik dari segi politik, ekonomi, moral dan termasuklah juga bantuan-bantuan berbentuk kemanusiaan, sumbangan kewangan serta sumbangan dan pembangunan infrastruktur asas dan pembangunan kapasiti sama ada secara langsung mahupun melalui pertubuhan antarabangsa dan badan-badan bukan kerajaan. Dari tahun 2010 hingga kini, kerajaan telah menyalurkan lebih daripada RM46 juta bagi membantu meringankan penderitaan rakyat Palestin. Sumbangan ini adalah daripada dana kerajaan yang disalurkan kepada Palestin secara terus serta melalui pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti PBB dan OIC. Selain itu, kerajaan juga memberikan sumbangan tahunan berjumlah RM282,000 bagi kos operasi Kedutaan Besar Palestin di Malaysia.

Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP) telah ditubuhkan oleh Kementerian Luar Negeri di bawah subseksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]

pada 6 September 2002. Penubuhan akaun ini adalah bertujuan untuk mengumpulkan dan menyelaraskan segala sumbangan kemanusiaan rakyat Malaysia kepada rakyat Palestin, seterusnya menyalurkan sumbangan tersebut melalui kaedah-kaedah yang difikirkan bersesuaian oleh Kementerian Luar Negeri. Satu jawatankuasa di peringkat kementerian telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi: Encik Fairuz, saya hendak tanya. Tentang RM46 juta ini, dia lebih kurang RM4.6 juta setahun, lebih kurang purata *right? Since 2010, so every year you giving about RM4.6 million.* Ini di bawah bidang kuasa MOFA?

Encik Fairuz Adli bin Mohd Rozali: Yes.

Tuan Pengerusi: *Not mean Ministry of Finance? Not MOF?*

Encik Fairuz Adli bin Mohd Rozali: Kita ada jawatankuasa di bawah MOFA.

Tuan Pengerusi: Bawah MOFA. Okey, baik. Saya hendak tahu sebab kita tahu banyak sumbangan yang kita beri itu, kita kena ada *check and balance* ataupun memastikan *for every one dollar you know, at least 90 cent must arrive there. Do you do any audit or any review on how much actually ends up helping people in Gaza and also the West Bank?*

Encik Fairuz Adli bin Mohd Rozali: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi wang-wang yang kita salurkan, kita akan membuat *check and balance* dalam jawatankuasa tersebut di mesyuarat yang seterusnya setelah wang itu dikeluarkan. Namun begitu, untuk sumbangan melalui organisasi antarabangsa, kita ada data yang seperti dalam slaid, kita hantar kepada UNRWA. Akan tetapi ini yang kita ada rekod dan seterusnya melalui OIC. Jadi, setiap kali kita membuat tahun itu, mesyuarat itu akan diadakan minimum dua kali setahun. Jadi, *the next meeting* itu kita akan *discuss and check and balance on our contributions.*

Tuan Pengerusi: *So, the monies most keep it to OIC, is it? For distribution.*

Encik Fairuz Adli bin Mohd Rozali: *Most of it through OIC and through the UNRWA.*

Tuan Pengerusi: *I see. What I am saying is this you know, for instance I know that a lot people donate money to say NGO like WWF, right? Only these NGOs have to come out with some sort of accounting that the bulk of the money not spend on administration that they actually goes to down help the environment. So, is there anything that OIC writes about you know, about how this money goes down and how effective is the— How many cents you get for every dollar you spend? They actually go down to help the Palestinian? Is there any mechanism of this?*

Encik Fairuz Adli bin Mohd Rozali: Tuan Pengerusi, izinkan saya memberi maklumat tersebut secara berasingan.

Tuan Pengerusi: Boleh.

Encik Fairuz Adli bin Mohd Rozali: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Puan Aznifah Isnariah binti Abdul Ghani [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Politik Pelbagai Hala), Kementerian Luar Negeri]: Selamat pagi Tuan Pengerusi. *Allow me to—* Saya mohon untuk beri sedikit penjelasan *on* bagaimana wang yang— dana yang kita salurkan kepada UNRWA, bagaimana dana tersebut disalurkan kepada Palestin dan *what the money is use for*. Selalunya jumlah dana yang diberikan oleh sesetengah negara anggota PBB yang disalurkan kepada UNRWA, UNRWA *normally* ada macam *annual briefings*. *Various ways* perkara ini dijalankan.

Pertamanya, dia akan membuat *pledging conferences*. Selalunya *pledging conferences* ini di New York. Dia akan maklumkan, dia akan *report*, dia akan beri laporan bagaimana wang *donation* yang telah diberikan oleh negara-negara ahli ataupun pertubuhan-pertubuhan antarabangsa lain ataupun individu, bagaimana dana ini dibelanjakan. *Typically, UNRWA spent the money that they received for its operation on five difference camps across areas where there are Palestinian refugees. So, this is in Jerusalem, in Gaza and the West Bank and two other areas. The money typically goes for education for refugee children and so far, at least 25 million Palestinian refugee children have benefit from the money. Building of infrastructure, food, specific programmes and other necessities including maintenance of infrastructures in the areas where refugees are located.*

So, all these expenditure will be informed to member states during this pledging conferences and they will tell member states how much money they have lost or they have not received as the result of the US decision to withdraw all funds to UNRWA and they have deficit on how much money was supposed to have been given but not given. As a result, they are pleading or they are plead to international community to provide more money to sustain specific programme.

So, UNRWA selalunya tidak dapat hendak maklumkan kepada negara ahli jumlah wang dana yang diterima ke mana *exactly, they would not be able to tell us*. Akan tetapi *collectively they will tell you exactly what the money has been spent on*. So, the *pledging conference* setiap tahun Yang Berhormat, *at the same time* UNRWA dari semasa ke semasa, selalunya setiap suku tahun, *they will do briefings in various cities where UN officers are located. In the most recent one di Geneva dan the acting Commissioner General* bagi penjelasan juga *on how to move forward* dengan dana yang semakin berkurangan, *typically for* tahun 2020.

So, in term of check and balance, this is how member states dapat mendengar and get more detailed views from UNRWA on how their money has been spent over the years.

Tuan Pengerusi: *Thank you.*

Encik Fairuz Adli bin Mohd Rozali: *Thank you* Puan Aznifah. Tuan Pengerusi, saya akan *continue* dengan *capacity building*. Bagi program pembangunan kapasiti, Malaysia menjalankan pelbagai program latihan kepada pegawai kerajaan Palestin di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP). Sehingga kini, terdapat 464 pegawai kerajaan Palestin yang telah mengikuti pelbagai program latihan di Malaysia di bawah MTCP.

Bagi tahun 2019 ialah seperti di slaid di mana Malaysia telah menganjurkan *Islamic Microfinance for Palestine Monetary Authority* anjuran *International Centre for Education in Islamic Finance* (INCEIF) dengan kerjasama *Japan International Cooperation Agency* (JICA). Program kedua adalah *Fokker 50 Simulator Training for Palestinian Pilot* anjuran Akademi Malaysia Airlines Berhad melibatkan tujuh orang juruterbang.

Pada tahun 2020 pula, Malaysia akan menganjurkan dua lagi kursus latihan khusus (*tailor-made*) untuk Palestin iaitu *Cooperative Community Development Through Microfinance for Palestine Course* anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKM) pada 24-28 Ogos 2020. Ia akan melibatkan 15 peserta. Juga *Fokker 50 Simulator Training for Palestinian Pilot* yang akan melibatkan tujuh orang juruterbang Palestin. Selain dua *tailor-made* program iaitu kursus latihan tersebut, juga peserta dari Palestin, terdapat 47 kursus latihan MTCP pada tahun 2020 yang boleh disertai oleh peserta dari 144 negara.

Seterusnya, saya teruskan dengan Kedutaan Besar Malaysia ke Palestin yang bermastautin di Amman. Pada 25 Oktober 2019, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan keputusan Kerajaan Malaysia untuk membuka Kedutaan Besar ke Palestin yang bermastautin di Amman, Jordan.

■1020

Keputusan tersebut diumumkan semasa Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Baku, Azerbaijan. Cadangan penubuhan Kedutaan Besar Malaysia ke Palestin bermastautin di Amman, Jordan adalah satu pendekatan yang paling praktikal bagi Malaysia memandangkan Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel. Sekiranya pejabat kedutaan ditempatkan di Ramallah, maka Malaysia perlu berurusan dengan Israel secara rasmi bagi perkara-perkara logistik, pentadbiran dan urusan keluar masuk ke Ramallah.

Inisiatif penubuhan Kedutaan Besar Malaysia ke Palestin merupakan satu langkah yang popular dan disokong oleh majoriti rakyat Malaysia sendiri. Dewan Rakyat telah menyokong keputusan ini secara sebulat suara pada 31 Oktober 2019. Keputusan kerajaan telah disambut baik oleh Palestin dan kebanyakan negara lain yang terus menyokong perjuangan mereka. Walau bagaimanapun, Kerajaan Jordan telah memaklumkan bahawa pihak Jordan tidak bersedia untuk

merealisasikan cadangan Malaysia buat masa ini walaupun pada asalnya mereka *welcome this initiative*.

Selanjutnya, mereka telah menyarankan supaya Malaysia untuk menubuhkan unit khas bagi Palestin di bawah naungan Kedutaan Besar Malaysia di Amman. Lanjutan daripada itu, Kementerian Luar Negeri sekarang ini sedang meneliti cadangan susulan supaya Malaysia mengubah pentauliahian serentak bagi Palestin daripada Mesir ke Jordan sebagai langkah awal supaya Malaysia menubuhkan Unit Hal Ehwal Palestin di bawah naungan Kedutaan Besar Malaysia di Amman, Jordan serta menambah bilangan pegawai dan kakitangan di Kedutaan Besar Malaysia di Amman untuk menguruskan unit tersebut. Malaysia sedang *deliberate* untuk melantik Konsul Kehormat Malaysia di Ramallah dan Gaza bagi membantu urusan-urusan yang berkaitan dengan hubungan dua hala Malaysia – Palestin.

